

Coop Hardware kurangkan kos bahan binaan

KUALA LUMPUR 8 Dis. - Penubuhan koperasi pembekal bahan binaan (Coop Hardware) yang menjadi koperasi membekal bahan-bahan asas pembinaan perumahan di bawah kendalian Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) disasarkan bakal membantu mengurangkan kos perumahan sebanyak 30 peratus.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, inisiatif hasil daripada perjanjian memorandum persefahaman antara Angkasa dan Koperasi Paku Selangor Berhad (Kopaku) itu bertujuan untuk menghapuskan peranan orang tengah dalam urusan perumahan yang menjadi punca kenaikan harga rumah.

“Terdapat terlalu banyak lapisan atau pun orang tengah dalam urusan pembinaan perumahan ketika ini yang menyebabkan harga meningkat sehingga membebakan para pembeli.

“Oleh itu, bagi mengurangkan lapisan ini, koperasi-kope-



ABDUL FATTAH ABDULLAH (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen antara Mohamad Ali Hasan (dua dari kiri) dengan Kamarulzaman Omar dalam majlis menandatangani memorandum perjanjian di Kelana Jaya, Selangor, semalam.

rasi pembekal diwujudkan bagi memudahkan proses pembelian bahan binaan secara terus daripada koperasi tanpa perlu melalui orang tengah,” katanya ketika ditemui pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman dan Penyerahan Geran Jaringan Koperasi Pembekalan Bahan Binaan di

Wisma Ungku Aziz, Kelana Jaya, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Naib Presiden Angkasa merangkap Pengerusi Pembangunan Sektor Hartanah, Datuk Mohamad Ali Hasan; Pengerusi Koperasi Paku Selangor Berhad, Kamarulzaman Omar dan Penolong Pengarah Kanan

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Aznan Abdul Aziz.

Mengulas lanjut, Fattah berkata, pihaknya menyasarkan RM10 juta nilai jualan bagi tahun hadapan daripada empat koperasi terlibat pada fasa permulaan ini.

“Permulaan ini ada empat buah koperasi terpilih dan diberi geran bantuan bagi membangunkan aktiviti pembekalan bahan binaan iaitu Koperasi Sri Al Amin Kerteh Berhad, Koperasi Alumni Severtok Taiping Berhad, Koperasi Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara Berhad dan Koperasi Barakah Sepang Berhad.

“Geran bantuan ini bertujuan untuk menggalak dan merangsang koperasi melibatkan diri secara serius dalam perniagaan pembekal bahan binaan dengan memberikan bantuan kemudahan aset kepada mereka,” ujarnya.

Selain itu, beliau berkata, empat buah koperasi ini akan dibimbing oleh Kopaku yang bertindak sebagai mentor dan pembekal utama bahan binaan.